


NewspaperSG

Pengadil digantung 10 tahun, lesen ditarik balik ekoran kontroversi

Berita Harian, 12 April 2012, Page 15

 Article also available on Microfilm Reel NL31980

Printer-Friendly Page

*Pengadil digantung 10 tahun,
lesen ditarik balik ekoran kontroversi*

DISEBABKAN kelakonan yang telah mencetuskan kontroversi ketika bertugas di Sukan SEA Jakarta tahun lalu, pengadil pencak silat, Jasni Salam, digantung 10 tahun dan lesen pengadilnya turut ditarik balik.

Keputusan itu diumumkan secara rasmi oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi) semalam.

Dalam kenyataan empat lembar, Persisi berkata pihaknya mendapati Jasni gagal mengambil tindakan yang betul hingga menyebabkan timbulnya kontroversi ketika pertandingan yang melibatkan peserta Indonesia, Dian Kristanto, dan Anothai Choopeng dari Thailand yang berkesudahan pesilat Thai itu kalah 0-5.

Persisi membuat dua

dakwaan ke atas pengadil berusia 51 tahun itu yang memiliki pengalaman 20 tahun dalam dunia persilatan.

Pertama, ia menjejas maruah Persisi kerana kegagalannya mengadili pertarungan akhir kategori 45-50 kilogram antara Dian dengan Anothai.

Jasni dituduh gagal bertindak selaku pengadil dengan baik apabila membiarkan Dian melakukan beberapa kesilapan yang ketara dan sebaliknya memberikan kemenangan kepada pesilat Indonesia itu.

Kedua, Jasni juga didakwa memalukan badan induk silat Singapura itu menerusi pelbagai kenyataan yang dikeluarkan kepada pihak media di sini yang menafikan beliau melaku-

kan sebarang kesilapan.

Malah, Jasni mendakwa pihak lain yang melakukan kesilapan itu hingga membawa keputusan yang diumumkan.

Jasni diberi notis dua kali menerusi e-mel dan pesanan ringkas (SMS) bagi menghadiri siasatan disiplin.

Bagaimanapun, Jasni dikatakan hanya mengumumkan beliau tidak dapat hadir pada minit-minit akhir hari penyiasatan dijalankan.

SILAT